

# Perceraian di Sarawak

Abdul Kadir bin Haji Muhammad

## Abstract

*The divorce rate among Muslims in Sarawak is from 7 to 11 percent. In certain area the figure is 13 percent. It is therefore imperative that measures need to be taken to check this situation*

## Pendahuluan

Sarawak mempunyai sembilan bahagian yang merangkumi Limbang, Miri, Bintulu, Sibu, Sarikie, Kapit, Kuching, Samarahan dan Bandar Sri Aman. Ia mencapai kemerdekaan melalui Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Penduduknya hampir dua juta dengan 20% daripadanya orang Melayu Islam.<sup>1</sup>

Sebelum terlaksananya Enakmen Keluarga Islam Sarawak tahun 1991, perkahwinan dan perceraian orang-orang Islam ditadbirkan melalui Undang-undang Mahkamah Melayu Sarawak. Setelah terlaksananya Enakmen 1991, peruntukan perkahwinan dan perceraian dalam Undang-undang Mahkamah Melayu Sarawak dimansuhkan. Segala urusan mengenai perkara ini dilaksanakan melalui Enakmen yang baru dilaksanakan pada 1 September 1992.<sup>2</sup>

Dalam Enakmen ini, perceraian tanpa kebenaran Mahkamah dianggap satu kesalahan dan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM1000.00 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.<sup>3</sup> Antara tujuan pelaksanaan Enakmen ini ialah bagi mengurangkan kadar perceraian yang berlaku.

## Kadar Perceraian

Kadar perceraian di Sarawak berada di sekitar 7-11%. In dapat dilihat dari data-data berikut :

**Jadual 1**

### *Kadar Perceraian Di Sarawak Dari tahun 1988-1992*

Tahun	Kahwin	Cerai	Peratus
1988	3352	375	11.1
1989	3390	270	7.9
1990	3580	305	8.5
1991	3525	421	11.9
1992	3464	394	11.4

(Sumber : Jabatan Agama Islam Sarawak)

Dari data-data di atas ternyata pada tahun 1988, 1991 dan 1992 kadar perceraian di Sarawak berada disekitar 11%. Pada tahun 1989 dan 1990 kadar perceraian hanya berada pada sekitar 7 dan 8% sahaja.

Purata perceraian di seluruh Sarawak tidak melebihi 11% tetapi di bahagian-bahagian tertentu ia melebihi kadar di atas. Ini dapat dilihat dari jadual di bawah.

**Jadual 2**

### *Kadar Perceraian Bagi Bahagian-bahagian Di Sarawak, Tahun 1990-1992.*

Bahagian	Tahun	Kahwin	Cerai	%
Limbang	1990	158	20	12.6
	1991	161	22	13.6
	1992	118	9	7.6
Bintulu	1990	185	13	7
	1991	209	23	11
	1992	179	25	13.9
Sri Aman	1990	742	tidak ada	
	1991	396	data	

(Sumber SISMI Sarawak)

Dari data-data di atas ternyata kadar perceraian bagi Limbang ialah 12.6% pada tahun 1990. Ia meningkat sedikit pada tahun 1991 kepada 13.6% dan menurun hampir separuh iaitu 7.6% pada tahun 1992, berbanding dengan tahun sebelumnya. Di Bahagian Bintulu kadar tersebut meningkat pada setiap tahun, iaitu dari 7% pada tahun 1990 kepada 11% pada tahun 1991 dan terus meningkat kepada 13.9% pada tahun 1992. Di Bahagian Seri Aman pula tidak terdapat butir-butir perceraian bagi kedua-dua tahun tersebut.

Kadar-kadar perceraian di atas ialah kadar perceraian sebelum berlakunya perujukan. Bagaimanapun kadar perceraian selepas berlaku perujukan tidak banyak berbeza dengan kadar sebelumnya. Ini dapat dilihat dari data-data berikut :

**Jadual 3**

***Kadar Perceraian Setelah Berlaku Perujukan***

Bahagian	Tahun	Cerai	Rujuk	Cerai Selepas Rujuk	Peratus
Limbang	1990	20	2	18	11.4%
	1991	22	1	21	13
	1992	9	-	-	-
Bintulu	1990	13	5	7	3.8
	1991	23	-	23	-
	1992	25	3	22	12.3

(Sumber SISMI Sarawak)

Dari data-data di atas ternyata kadar perceraian yang masih kekal tidak terdapat banyak perbezaan dengan kadar perceraian sebelum berlakunya perujukan. Ini kerana kadar perujukan yang berlaku adalah kecil, malah pada tahun 1991 dan 1992 bagi kedua-dua bahagian di atas tidak terdapat satu pasangan pun yang rujuk.

Dapat dirumuskan secara umumnya kadar perceraian bagi kedua-dua daerah ini disekitar 11 dan 12%.

**Faktor Perceraian**

Perceraian di Sarawak berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Antara faktor-faktor itu ialah suami tidak memberi nafkah, suami isteri curang, suami meninggalkan isteri, suami terlibat dengan penyakit-penyakit sosial seperti terlibat dengan arak, dadah, judi dan sebagainya.<sup>4</sup>

Dalam kes-kes suami tidak memberi nafkah biasanya perceraian berlaku secara tuntutan cerai ta'lik oleh isteri di Mahkamah. Misalnya dalam kes *Ratna bt Bujang lwn Mohd. Yusoff bin Abdullah*.<sup>5</sup> Penuntut telah ditinggalkan oleh suaminya sejak

lima tahun dan tidak memberi apa-apa nafkah. Yang kena tuntutan telah pulang ke Malaysia barat dan tidak datang-datang ke Sarawak. Mahkamah mensabitkan tuntutan tersebut. Dalam kes *Jaiyah bt Abdullah lwn Mohd Ali*<sup>6</sup> mahkamah juga mengesahkan cerai ta'lik yang dipohon. Tuntutan ini dibuat kerana yang kena tuntutan meninggalkan yang menuntut sejak tiga tahun dan tidak memberi apa-apa nafkah kepada beliau.

Kadar permohom cerai ta'lik ini boleh dikatakan tinggi juga pada setiap tahun. Misalnya pada tahun 1988, sebanyak 41 kes perceraian ta'lik. Tahun 1989 sebanyak 61 kes. Tahun 1990 sebanyak 33 kes dan tahun 1991 sebanyak 52 kes.<sup>7</sup>

Pada kebiasaannya permohonan cerai ta'lik ini dibuat kerana suami meninggalkan rumah dan tidak memberi nafkah. Dengan ini dapat dirumuskan tidak memberi nafkah dan tidak bertanggungjawab adalah di antara faktor utama berlakunya perceraian di Sarawak. Mengikut Pegawai Perunding dan Pembangunan Keluarga Islam sebab utama berlakunya perceraian ialah kerana suami tidak mampu atau sengaja tidak memberi nafkah dan meninggalkan isteri.<sup>8</sup>

### Membendung Perceraian

Beberapa langkah telah diambil bagi mengurangkan lagi kadar perceraian yang berlaku. Antaranya, memberi bimbingan kepada suami isteri yang bermasalah, kursus pra perkahwinan, kursus keibubapaan dan juga menguatkuasa Undang-undang Keluarga Islam 1992.<sup>9</sup>

Sebagai kesimpulan, langkah-langkah di atas perlu dipertingkatkan agar kadar perceraian dapat dikurangkan.

### NOTA KAKI

1. *Sarawak 30 Tahun Merdeka*, Kuala Lumpur: Ensimal (M) Sdn. Bhd., 1993, hh. 17-19.
2. Dinyatakan oleh Puan Rahman Nudin, Pegawai Mahkamah Syariah Sarawak, temuramah pada 7.9.1993.
3. Enakmen Keluarga Islam Sarawak Tahun 1991, Seksyen 108.
4. Dijelaskan oleh Simoi bt. Peri, Pegawai Perunding dan Pembangunan Islam Sarawak, temuramah pada 7.9.1993.
5. Kes 15/1/1991, Mahkamah Syariah Kuching, Sarawak.
6. Kes 29/1991, *Ibid.*
7. Statistik Kes Mal Mahkamah Syariah Sarawak.
8. Temuramah pada 7.9.1993.
9. *Ibid.*